

11/10/2003

Kehadiran Hamid Karzai penting kepada perpaduan

PRESIDEN Afghanistan Hamid Karzai akan mengetuai delegasi negara itu ke Sidang Kemuncak OIC.

Duta Afghanistan ke Malaysia, Amanullah Jayhoon berkata empat menteri - luar, kewangan, hal ehwal wanita dan keselamatan - akan mengiringi Karzai pada lawatan itu.

Amanullah berkata, kehadiran Presiden Karzai menunjukkan betapa pentingnya pertubuhan 57 anggota itu kepada negara Asia Tengah itu.

Katanya, Karzai akan menumpukan pada pentingnya perpaduan di kalangan pertubuhan itu dan dunia Islam dan bagaimana mereka dapat memanfaatkan sumber untuk menyelesaikan masalah yang menyelubungi Islam.

"Presiden dan menteri berkenaan juga akan mengambil peluang itu untuk berbincang dengan pemimpin negara anggota berhubung penstrukturan dan pembinaan semula keamanan yang sedang diusahakan dan bagaimana mereka boleh membantu kami dalam bidang itu," katanya.

Amanullah berkata, Presiden Karzai juga akan mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai acara sampingan pada sidang kemuncak berkenaan.

Karzai dijadual berada di sini sehingga persidangan bertema 'Ilmu Pengetahuan dan Akhlak Asas Kemajuan Ummah' selama lapan hari itu berakhir.

Amanullah berkata, OIC yang Afghanistan adalah antara anggota pengasasnya, pada masa lalu cuba untuk menjadi orang tengah ketika negara itu sedang dilanda konflik.

"Kami menghargai bantuan yang banyak dihulurkan oleh OIC dan negara anggota selama ini... ini termasuk resolusi untuk membantu pembinaan semula keamanan di Iraq yang ditetapkan pada Sidang Kemuncak Doha (pada 2000)," katanya.

Amanullah berharap anggota OIC terus menghulurkan bantuan kepada negaranya kerana Afghanistan masih memerlukan bantuan dalam banyak bidang bagi membolehkannya membangun yang adalah ramuan penting bagi keamanan dan kestabilan berkekalan.